



Received: 2019-08-25

Accepted: 2019-10-30

Published: 2019-11-20

Original Article

Permasalahan Halal Dan Penyelesaiannya Di Kalangan Masyarakat Muslim Rumah Panjang Sarawak

Nadiyah bt Hashim^{a*}, Khalid bin Ismail^{*}, Solehah Haji Yahya^{*} & Hamimah bt Hashim^{*}

^a Universiti Teknologi MARA cawangan Perlis, Malaysia

* Corresponding author, email: nadiyah@uitm.edu.my

ABSTRACT

Penulisan ini membincangkan masalah muslim di rumah panjang Sarawak. Komuniti rumah panjang di Sarawak kadang terdiri dari pelbagai etnik dan agama. Antara isu yang berlaku ialah isu aurat, permakanan, anjing, sambutan perayaan dan perkahwinan campur. Islam adalah agama yang meraikan kemaslahatan umatnya dan permasalahan menjadi satu persoalan adakah boleh mendapat keringanan dalam situasi situasi tertentu. Kajian ini akan berkisar kepada fatwa terkini, pandangan ulama ulama dan juga dari sudut qawa'id fiqhiyyah dalam menentukan hukum apabila dalam situasi tidak dapat dielakkan.

Keywords: rumah panjang, Sarawak, hukum

Pendahuluan

Halal merupakan perkara yang menjadi syarat perlunya dalam soal permakanan dan minuman, pakaian, kebersihan malah dari soal tindak tanduk. Ia merupakan garis panduan terhadap umat Islam tentang betul dan sahnya sesuatu ibadah. Isu mendapatkan yang halal mungkin tidak menjadi masalah di kalangan masyarakat yang majoriti muslim, namun ia adalah cabaran apabila muslim ialah golongan manoriti.

Sarawak merupakan negeri yang kaya dengan etnik dan budaya serta merupakan sebuah negeri yang cukup harmoni. Masyarakat muslim di Sarawak dapat hidup aman dan harmoni walaupun bersama masyarakat pribumi lain yang berlainan agama dan budaya. Antara yang terkenal penempatan di Sarawak ialah penempatan rumah panjang. Jenis rumah panjang di Sarawak biasanya mempunyai bilik-bilik tambahan. Di sebelah depannya ialah serambi dan di sebelah belakangnya pula ialah bahagian dapur. Rumah panjang itu didirikan dengan bertiang tinggi supaya ia tidak terjejas oleh air bah (banjir).

Ada di kalangan rumah panjang yang penduduknya terdiri daripada berbilang kaum dan agama, di sinilah terdapat beberapa cabaran terutamanya dalam isu halal dan haram yang perlu dijaga. Namun terdapat rumah panjang muslim seperti di Kampung Darul Islam Belimbang yang penempatan rumah panjang Bidayuh-Muslim yang pertama dalam kawasan tanah tinggi Puncak Borneo . Perkampungan yang indah itu terletak lebih kurang 60 kilometer dari Kuching yang boleh ditelusuri melalui jalan Puncak Borneo atau jalan lama Padawan menggunakan kenderaan

peribadi. Ketika wartawan menemui Ketua Kaum Kampung Darul Islam Belimbing, Kampung itu yang dipercayai dinamakan sebagai Kampung Grumbing sebelum ini (belimbing dalam bahasa Bidayuh) ditukar nama kepada Kampung Darul Islam Belimbing dan nama tersebut masih digunakan sehingga hari ini (Haji Hassan, Borneo Post 2014).

Majlis Islam Sarawak yang merupakan badan berkanun yang bertanggungjawab menyelia dan menyusun atur hal ehwal masyarakat muslim di bumi Sarawak. Majlis Islam Sarawak ditubuhkan pada 1 Mei 1955. Antara peranan Majlis Islam Sarawak ialah mengurus segala hal kebaikan muslim termasuk mengusahakan kemajuan ekonomi dan sosial. Pemegang amanah bagi semua masjid dan surau, pengeluaran fatwa dan pengemaskinian semua 6 Ordinan Syariah. Ia menjadikan Sarawak negeri pertama di Malaysia yang mempunyai undang-undang syariah yang lengkap.

Sejak penubuhan peranan dan fungsi Majlis Islam Sarawak telah diperinci dan dimantapkan melalui beberapa institusi berikut: Tabung Zakat dan Fitrah pada 1966, Mahkamah Syariah pada 1978, Baitulmal pada 1984, Jabatan Agama Islam Sarawak 1990, Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak pada 1990, Pejabat Mufti Negeri Sarawak pada 1998, Biro Perkhidmatan Pendidikan pada 2007 dan Pusat Penerangan Islam pada 2008 (Pelan Tindakan Majlis Islam Sarawak 2011-2020).

Latar Belakang Dan Permasalahan Kajian

Cabarani bagi mayarakat muslim ialah apabila bercampur kehidupan seharian dengan mereka yang tidak beragama Islam. Mencari yang halal, mempertahankan yang halal dan berterrusan dalam menjaga yang halal adalah sukar apabila persekitaran tidak memahami dan tidak mengendahkannya. Malah pernah terdapat situasi di mana seorang muallaf yang bertindak lari dari rumah panjang dan membina rumah sendiri atas alasan mahu mengamalkan ajaran Islam dengan sempurna (Hidayah Abdullah. 2016).

Namun atas sumbangan yayasan amal dan kerjasama YADIM, ada beberapa rumah panjang baru khas untuk muslimin didirikan seperti RH Ibrahim di Pakan. Asalnya mereka dari RH Lidam dan hasil bantuan NGO NGO dan juga sumbangan orang kampung sendiri, rumah panjang khas untuk orang Islam dapat diwujudkan.

Namun bagi kawasan rumah panjang lain yang masih lagi ada percampuran non muslim dan muslim, terdapat beberapa cabaran yang dihadapi oleh mereka (Idarina, 2016).

Makanan dan minuman

Makanan masyarakat pribumi ialah adalah seperti biasa cuma ada beberapa jenis makanan unik yang mungkin hanya dimakan di kawasan tertentu seperti ulat mulong, babi, ketam nipah, haiwan eksotik seperti monyet dan sebagainya. Manakala minuman pula yang paling terkenal ialah tuak. Tuak merujuk kepada sejenis minuman beralkohol, tradisi ini popular dalam kalangan masyarakat asli atau bumiputera. Tuak pada asasnya merupakan sejenis minuman yang terhasil dari pemeraman bahan tertentu, jenis bahan tersebut bergantung kepada suku kaum yang menghasilkannya. Terdapat tiga jenis tuak iaitu tuak beras, tuak kelapa dan tuak nipah.

Aurat

Cabarani yang kedua ialah soal penjagaan aurat terutama oleh kaum wanita. Ini kerana suasana di rumah panjang yang menganggap jiran adalah seperti saudara sendiri. Tidak menjadi

kesalahan jika masuk ke pintu rumah jiran yang lain tanpa ketuk atau salam terlebih dahulu. Memakai seluar pendek dan berkemban adalah biasa di kalangan masyarakat rumah panjang.

Anjing

Anjing ialah haiwan peliharaan dan ada juga yang menjadikan sebagai ahli keluarga mereka di mana anjing bebas masuk dan berada di mana sahaja kawasan dalam rumah panjang.

Perayaan

Sebarang perayaan atau keraian akan diraikan bersama-sama. Masyarakat rumah panjang masih mengamalkan gotong royong dalam meraikan majlis majlis tertentu seperti perkahwinan atau meraikan perayaan seperti Hari Gawai. Penggunaan perkakas masakan dan jamuan akan dikongsi bersama. Ini yang menimbulkan masalah apabila makanan yang tidak halal juga dimasak menggunakan periuk yang sama.

Perkahwinan campur

Perkahwinan caampur di Sarawak bukan perkara asing. Samada ia berlaku di kalangan dua etnik yang berbeza tapi satu agama atau dua etnik yang juga dari agama yang berlainan. Isu timbul dalam penentuan status kaum anak mereka. Contoh jika kaum Iban berkahwin dengan kaum Cina, anak yang lahir adakah dikira Iban yang layak mendapat hak keistimewaan bumiputera atau menjadi sebaliknya.

Begitu juga isu agama, jika perkahwinan itu masih kekal ia jarang membawa masalah. Isunya apabila pasangan itu berpisah dan salah seorang kembali kepada agama asal, anak mengikut ibu atau bapanya yang kembali kepada agama bukan Islam atau masih kekal kepada agama ketika dia dilahirkan.

Objektif Kajian

1. Membentangkan fatwa atau pandangan mazhab terhadap isu yang berkaitan
2. Mengemukakan cadangan pada permasalahan yang masih lagi tergantung

Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini akan dibahagikan mengikut pecahan cabaran yang telah dijelaskan di atas.

Makanan dan minuman

Ulat mulong dan temilok

Mufti Sarawak, Datuk Kipli Yassin berkata, keputusan fatwa bagi melarang umat Islam memakan ulat mulong telah lama dibuat, namun mungkin ada yang tidak mengetahui perkara tersebut dan diharap agar tidak lagi terkeliru pada masa hadapan.

“Apabila kita berpegang kepada hukum dan membuat kajian, binatang ini telah ditetapkan sebagai jenis ulat dan dalam hukum fikah, semua ulat tidak boleh dimakan kerana dianggap sebagai suatu yang jijik dalam Islam.

“Namun, ingin ditegaskan bahawa kita bukan menghalang masyarakat bukan Islam untuk memakannya, malah tidak mengganggu budaya mereka. Kita ada hukum agama masing-masing dan itu yang perlu diambil perhatian,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas majlis perasmian Bengkel Penyelidikan Fatwa dan Hukum 2015 di sini semalam.

Bagaimanapun tambahnya, hidupan kejumah (temilok) boleh dimakan.

Keputusan fatwa membenarkan temilok dimakan oleh orang Islam adalah kerana binatang itu bukan hidupan dua alam (Datuk Kipli Yassin, Utusan Malaysia Feb 2015)

Tuak

Pada Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang diadakan di Ipoh pada 11-14 April, 1984, Majlis Fatwa telah mengambil keputusan tentang alkohol iaitu:

1. Setiap minuman arak mengandungi alkohol tetapi bukan semua alkohol itu daripada arak. Alkohol daripada proses pembuatan arak hukumnya haram dan najis tetapi alkohol yang dibuat bukan melalui proses pembuatan arak hukumnya tidak najis tetapi haram diminum Berdasarkan keputusan ini, pembuatan Mousy dan Malt Extract adalah haram.
2. Minuman ringan yang dibuat sama caranya dengan membuat arak sama ada mengandungi sedikit alkohol atau alkoholnya disulingkan adalah haram diminum.
3. Minuman ringan yang dibuat bukan untuk dijadikan arak atau bahan yang mabuk dan tidak sama caranya dengan proses arak adalah halal.
4. Tapai halal dimakan
5. Alkohol yang terjadi secara sampingan dalam proses pembuatan makanan tidak najis dan boleh dimakan.
6. Ubat-ubatan dan pewangi yang mengandungi alkohol hukumnya harus dan dimaafkan.

Aurat

Seperti mana yang semua orang tahu, aurat wanita adalah seluruh tubuhnya iaitu dari hujung rambut hingga hujung kaki kecuali muka dan pergelangan tangannya. Ia telah disebutkan dalam hadith sahih yang berbunyi:

Asma' binti Abu Bakar telah masuk ke tempat Rasulullah s.a.w berada sedangkan dia memakai pakaian nipis. Rasulullah s.a.w lalu berpaling daripada memandangnya sambil berkata, “Wahai Asma’ sesungguhnya seorang wanita itu apabila telah baligh (haid) maka tidak boleh baginya menampakkan tubuhnya kecuali ini dan ini, seraya menunjukkan wajah dan telapak tangannya.” (Riwayat Abu Dawud)

Pendapat daripada Yusuf Qardhawi (Fatwa ke-19): aurat pada bahagian kaki dan pergelangan tangan merupakan sesuatu yang ada rukhsah atau keringanan (ref : ad-Durul Mantsur oleh as-Suyuthi). stokin kaki/ stokin tangan bukanlah menjadi kewajipan sekiranya kita berada dalam rumah yang 'ghalid' bagi kita menguruskan rumah tersebut. Contohnya keperluan mengurus dapur, memasak, mencuci pinggan mangkuk, juga keluar masuk bilik air untuk mandikan anak/ basuh berak kencing anak, dan apa sahaja tugasan harian kita di rumah, maka dibolehkan kita menampakkan kaki dan kadar segenggam pada pergelangan tangan. Bahkan pada zaman Rasulullah pernah sahabat menegur wanita yang berniaga di pasar kerana ternampak bahagian lengannya ketika menguli tepung, tetapi Rasulullah membenarkannya

kerana keperluannya menyinsing sedikit bahgian lengan untuk perkerjaannya. (*al-Majmu'*, 3: 167-168) .

Mesyuarat Jemaah Ulama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan yang bersidang Kali 2/90 Pada 26 Mac 1990 telah membincangkan mengenai masalah masalah mengenai aurat lelaki dan perempuan dan telah bersetuju memutuskan seperti berikut:

Perbincangan mengenai masalah ini hanya tertumpu pendapat-pendapat ulama yang terkenal dan dianggap muktabar.

Aurat Lelaki

Berkenaan dengan aurat lelaki ini maka ada dua golongan ulama dan dua pendapat:

Golongan pertama ini terdiri dari Imam Malik, Imam Ahmad bin Hanbali, Muhammad Harir, Abu Said Al-Asthohri berpendapat aurat lelaki itu ialah perkelamian dan dubur.

Pendapat ini berdalil kepada hadis berikut: diriwayat dari Anas, sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah memerangi Bandar Khaibar maka kami bersembahyang subuh dekat khaibar di waktu masih gelap, kemudian Rasulullah menunggang sedangkan saya membonceng di belakang Abu Talhah. Nabi telah memecut tunggangan di jalan Khaibar dan lutut saya ada menyentuh paha Rasulullah, kemudian membuka Rasulullah kain dari pahanya sehingga saya ternampak keputihan paha Nabi s.a.w.

Sesungguhnya Saiyyidah Aisyah berkata ada seketika Rasulullah sedang baring di rumah saya dengan membuka kain dari paha atau betisnya dan apabila para sahabat datang baginda membenarkan masuk.

Golongan yang kedua terdiri dari Imam Abu Hanifah, Imam Syafie dan ‘Ata’ berpendapat aurat lelaki itu ialah di antara pusat dan lutut.

Pendapat ini berdalilkan kepada hadis berikut: Telah lalu Rasulullah s.a.w dekat seorang lelaki sedangkan pahanya terbuka, lalu Rasulullah bersabda kepadaanya tutuplah paha anda, sesungguhnya paha lelaki itu sebahagian dari aurat.

Dari Mujahid dan Ibnu Abbas daripada Nabi s.a.w: paha itu aurat. Walau bagaimanapun pendapat ini masih boleh ditakwil, mungkin apa yang berlaku itu adalah tidak disengajakan dan tidak sedar.

Sebenarnya hadis ini tidak boleh dijadikan alasan bahawa paha itu tidak aurat kerana di dalam hadis tersebut terdapat keraguan dan tidak jelas apakah anggota yang sebenarnya terbuka itu pahakah atau betis.

Memandangkan bahawa Imam Malik dan Imam Ahmad bin Hanbal dengan pendapat yang kedua aurat lelaki di antara pusat dan lutut sama seperti pendapat Imam Abu Hanifah dan Imam Syafie maka bolehlah dibuat kesimpulan bahawa aurat lelaki itu ialah di antara pusat dan lutut itu ialah sebagai pendapat yang terkuat dalam masalah aurat.

Aurat Perempuan:

Berkenaan dengan aurat perempuan ini ada empat golongan Ulama dengan empat pendapat:

1. Imam Abu Hanifah dan As-Sauri berpendapat aurat perempuan itu semua anggota dikecualikan muka, tangan dan kaki.

2. Adapun Imam Malik dan Imam Syafie berpendapat aurat perempuan itu semua anggota kecuali muka dan tangan.
3. Imam Ahmad bin Hanbal dan Daud Zahiri berpendapat aurat perempuan itu semua anggotanya kecuali muka sahaja.
4. Abu Bakar bin Abdul Rahman dan segolongan dari sahabat Syafie berpendapat aurat perempuan itu semua anggota.

Anjing

Bagi Muslim yang berasal dari Malaysia, kebanyakan kita agak fobia apabila melihat anjing. Ini berbeza dengan masyarakat muslim di negara barat. Mereka lebih terbuka malah ia bukan menjadi haiwan jijik yang akan dihindari. Tidak kurang yang memeliharanya. Malah ada yang menyebut anjinglah teman rapat manusia, setia, patuh dan lebih memahami tuannya berbanding dengan haiwan peliharaan lain.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan memutuskan, menyentuh dan memegang anjing adalah bersifat melawan arus perdana umat Islam di negara ini yang berpegang kepada mazhab Syafie. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, Islam memuliakan haiwan termasuk anjing, bagaimanapun dalam aspek hukum dan soal kemuliaan, umat Islam perlu mematuhi ketetapan yang telah ditentukan hukum-hukum dalam Islam dan fiqah dalam Islam mengikut syarak (Sinar Harian Okt 2014).

Hukum Memelihara Anjing

Mengulas isu ini, Syeikh Ahmad Kutty, pensyarah kanan Pengajian Islam di Islamic Institute of Toronto, Canada berkata bahawa adalah haram untuk memelihara anjing di rumah, melainkan untuk tujuan berikut:

1. Perburuan. Ini dijelaskan di dalam surah al-Ma'idah ayat 4 dan juga dalam beberapa potong hadis yang lain, dan perkara ini juga termasuk di dalam *amr ta'abbudiy*.
2. Untuk dijadikan anjing pemandu jalan seperti untuk orang buta sekiranya memerlukan.
3. Untuk tujuan keselamatan pihak berkuasa seperti polis dan kastam.
4. Untuk mengawal keselamatan di sekitar rumah.
5. Untuk membantu penternakan haiwan.

Perayaan

Mufti Sarawak, Datuk Kipli Yassin berkata, umat Islam tidak boleh menjalankan upacara ‘mi-ring’ atau mengikut ritual semasa Pesta Kaul kerana melibatkan kepercayaan yang bertentangan dengan ajaran Islam dan hukum syarak.

“Maksudnya di sini, orang bukan Islam tetap boleh meneruskan upacara itu tetapi orang Islam tidak sepatutnya melibatkan diri. Tiada masalah untuk umat Islam menghadiri upacara berkenaan tetapi untuk menjalankan upacara pemujaan itu yang menjadi masalah” (Utusan Malaysia 6 Februari 2015).

Begitu juga adalah diharuskan menghadiri majlis pengkebumian, perkahwinan atau perayaan agama lain selagi mana tidak turut sama menjalankan upacara ritual agama berkenaan.

Perkahwinan campur

Menteri Kebajikan, Kesejahteraan Masyarakat, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-kanak negeri, Datuk Fatimah Abdullah berkata, mengikut undang-undang, status bumiputera di Sarawak diiktiraf jika salah seorang dari kedua ibu bapa kanak-kanak itu adalah merupakan suku kaum bumiputera negeri ini.

“Jadi, kita melalui Majlis Adat Istiadat Sarawak (MAIS) ingin mengingatkan agensi yang terlibat menguruskan kemasukan pelajar ke IPT supaya menerima pelajar yang bukan bumiputera yang dilahirkan melalui perkahwinan campur tetapi cemerlang dalam akademik ini menyambung pelajaran ke institute pengajian tinggi yang dipilih.”

“Hal ini kerana status mereka sebagai bumiputera boleh diiktiraf secara pentadbiran seperti diluluskan di bawah undang-undang yang dipersetujui oleh Ketua Setiausaha Negara pada 2009,” ujarnya. (Utusan Online 8 Mei 2017)

Isu penukaran agama dari agama Islam ke agama lain atau juga isu mahu kembali ke agama asal selepas memeluk Islam juga berlaku.

Mahkamah Syariah di Sarawak tidak memiliki kuasa berhubung kes menukar agama namun panel hakim boleh menggunakan pakai bidang kuasa tertentu mengikut Ordinan MAIS untuk mengendalikan kes begini.

Pada 27 Februari 2018, Mahkamah Persekutuan Kuching menolak rayuan pendengaran kes membabitkan empat individu dari Sarawak yang diisyiharkan keluar dari Islam oleh mahkamah sivil. Ia berlarutan dari penolakan rayuan oleh Mahkamah rayuan Sarawak pada 19 Ogos 2016 atas alasan mahkamah sivil tidak mempunyai bidang kuasa ke atas kes sedemikian, menyebabkan mereka mengemukakan rayuan kepada Mahkamah Persekutuan. (Berita Harian Online 27 Feb 2018).

Kesimpulan

Perkara yang jelas haram dengan dalil qatei dan kesemua pandangan mazhab menyatakan ia haram,

Kaedah kaedah usul ada menyebut keharusan mengambil yang paling ringan dalam fahaman mazhab yang tiada dalil melarangnya, tidak ada kesalahan dalam masalah ijtihadiah. Yang penting di kalangan kita memahami isu ini dengan baik. Ulama Syafie kita mengajar supaya berlapang dada di dalam isu sebegini yang berlaku berhajat mengikut kepada mazhab yang lebih ringan (Fawwaz Fadzil, 2016).

Pemahaman dan penghayatan usul fiqh juga perlu dan ia amat membantu untuk menangani dan menghuraikan kemelut perubahan sosio-budaya yang dilalui oleh pelbagai lapisan masyarakat (Muhammad Bakir Yaakub).

Kembali kepada kaedah fekah *almasyaqqaqah tajlibut taysir*, telah menggariskan beberapa situasi yang mana boleh memberi keringanan dalam situasi situasi yang tertentu. Tujuh *masyaqqaqah* ini diakui boleh diberi keringanan iaitu lupa, jahil, musafir, sakit, kurang akal, terpaksa dan perkara yang tidak dapat dielakkan. Contoh, adalah dimaafkan solat dalam tempat yang penuh najis. Dimaafkan juga kesalahan minum arak sebab jahil ia adalah arak. (Tajul Ariffin t.th).

Rujukan

- Fauwaz Fadzil, Facebook Fauwaz Fadzil 12 Jun 2016
- Hidayah bt Abdullah. Sukarelawan Yayasan Islam Sarawak. Temubual.
- Idarina bt Tao . Penghuni rumah panjang muslim, kaum Iban. Temubual.
- Muhammad Bakir Yaakub, 2004,Usul Fiqh Dalam Konteks Masyarakat Malaysia;Antara Keperluan Dan Pemahaman; Seminar Kebangsaan Usul Fiqh Ms.151 Kolej University Islam Malaysia, Kuala Lumpur.
- Tajul Ariffin. T.th. al-Aqmaru al-Mudhiah. Fajar Ulung, Kuala Lumpur.
- Keputusan Mesyuarat Jemaah Ulama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan yang bersidang Kali 2/90 Pada 26 Mac 1990.
- Pelan Tindakan Majlis Islam Sarawak 2011-2020
- www.bharian.com.my/berita/kes/2018/02/393452/permohonan-4-individu-dibatalkan
- www.theborneopost.com/2014/11/14/rumah-panjang-bidayuh-muslim-banyak-keunikan/
- www.sinarharian.com.my/edisi/sabah-sarawak/sentuh-anjing-majlis-fatwa-ikut-mazhab-shafie-1.326949 24okt2014
- www.utusan.com.my/berita/nasional/umat-Islam-dilarang-makan-ulat-sagu-1.56517 6 Februari 2015
- www.utusan.com.my/berita/wilayah/sarawak/pengiktirafan-secara-pentadbiran-selesai-masalah-anak-kahwin-campur-masuki-ipt-1.478904 8 mei 2017
- www.nyamaiamat.weebly.com/drinks.html